

Fasal Pengecualian dan Kawalan Undang-Undang Di Malaysia: Layanan Perundangan

Exclusion Clauses and its Protection in Malaysia: The Legal Treatment

Farhah Abdullah (farhahab@gmail.com)
Jabatan Undang-undang
UiTM Terengganu

Sakina Shaik Ahmad Yusoff (kinasay@ukm.my)
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Keperluan masyarakat moden merupakan sesuatu yang kompleks dengan pelbagai isu rumit dan sukar ditafsirkan mengikut acuan perundangan lama berdasarkan common law. Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barang 1957 dan Akta Pelindungan Pengguna 1999 dibimbangi tidak berupaya melawan arus kemodenan. Lantaran itu, timbul keperluan bagi satu formula berbentuk statut yang khusus menangani ledakan fasal pengecualian yang berleluasa. Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan 2010) menangani terma tidak adil iaitu fasal pengecualian dalam kontrak pengguna merupakan satu inisiatif awal kerajaan demi mencapai keadilan berkontrak. Namun, pemakaian Akta 2010 yang terhad kepada kontrak pengguna serta kelompangan akta-akta yang berdasarkan kepada doktrin kebebasan berkontrak mengukuhkan kenyataan bahawa perundangan di Malaysia turut menyumbang kepada amalan penindasan melalui fasal pengecualian. Justeru, kelompangan perundangan-perundangan ini menjustifikasikan kawalan perundangan yang lebih holistik ke atas fasal pengecualian. Kertas kerja ini mengupas peruntukan yang terdapat dalam keempat-empat akta, dengan objektif primernya menghasilkan satu skema perundangan yang lebih berkesan dalam konteks fasal pengecualian secara menyeluruh dalam mengimbangi pasaran produk dan perkhidmatan.

Katakunci: Fasal pengecualian- Perundangan-Perlindungan pengguna.

ABSTRACT

Needs of modern society is a complex and complicated issue to be deciphered by reference to the old legislations which are primarily based on common law. The concern has been the inability of the Contracts Act 1950, Sale of Goods Act 1957 and Consumer Protection Act 1999 to resist modernity. Hence, there is a need for a formula in the form of specific statute dealing with the massive explosion of exemption clause. Consumer Protection Act (2010 Amendment) which deals with unfair terms, one of which is exemption clause, in consumer contracts is a government initiative to achieve the initial contractual justice. However, the application of the 2010 Act is limited to consumer contracts. The Act only aims at rectifying the lacuna in other legislations which was predominantly based on the doctrine of freedom of contract. The lacuna in these legislations and the limited application of the 2010 Act reinforce the fact that legislations in Malaysia have also contributed to the oppression through the practice of exemption clauses. Thus, the lacuna within these legislations will justify a more holistic regulatory control on exemption clauses. This paper discusses the provisions contained in the four acts, with the primary objective of producing a more effective regulatory scheme within the overall context of the exemption clause in view of balancing of the market for products and services.

Keywords: Exclusion Clauses- Legislation-Consumer Protection.

PENGENALAN

Dasar atau polisi sesebuah negara menentukan pembentukan statut dan perundangan melalui penggubalan akta. Polisi awam memberikan kesan kepada sesuatu kontrak yang akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Mahkamah. Ketiadaan peruntukan perundangan spesifik menangani fasal pengecualian di Malaysia menyebabkan mahkamah mengaplikasi *common law* yang merupakan sebahagian dari sistem perundangan English¹. Tindakan yang wajar dan signifikan bagi menyemak kembali beberapa akta terpilih demi mencari kelompangan sepertimana yang diamati oleh Turkel², bahawa sesuatu undang-undang itu mestilah dikaji, dipelajari, dikritis bagi membolehkan rakyat, sebagai ahli masyarakat yang produktif serta menyedari kewujudan institusi sosial yang membentuk mereka. Menurutny, penggubalan sesuatu statut adalah merupakan landasan kepada keselamatan dan keadilan manusia. Keselamatan yang dimaksudkan di sini adalah merangkumi keselamatan dari sebarang pencerobohan sama ada pencerobohan fizikal atau pencerobohan hak. Kedua-dua pencerobohan ini, jika mampu ditangani melalui penggubalan perundangan mengenainya, maka perundangan tersebut sudah tentu amat dihargai sebagai satu wadah mekanisme penagak keadilan jika dilaksanakan dan dipatuhi dengan betul. Sehubungan dengan pendekatan *jurisprudens*, sesuatu perundangan yang digubal haruslah seragam, teratur dan logik bagi menjamin ianya dipatuhi, dihormati dan dilaksanakan dengan teliti³. Menurut S. Sothi Rachagan⁴, sebarang perundangan perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pengguna, sepertimana yang telah diamalkan di England dan Australia.

Keunikan fasal pengecualian ini adalah kerana ianya tiada peruntukan statut secara khusus dan mahkamah yang menentukan kesahan fasal ini⁵. Menurut Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun⁶, kesan statut boleh mengubahsuai kesan fasal pengecualian dengan mengambil iktibar di England dan Australia yang menggubal perundangan bersifat perlindungan pengguna. Bahkan di kebanyakan negara yang mengamalkan *common law* mengakui bahawa peruntukan sedia ada tidak memadai melindungi kepentingan pengguna yang sememangnya mempunyai kedudukan ketidaiseimbangan kuasa perundangan⁷. Justeru, pindaan telah dilaksanakan dalam kontrak pengguna dan seharusnya Malaysia mencontohinya demi kepentingan pengguna.

Setiap perubahan dalam korpus undang-undang, berdasarkan layanan perundangan negara-negara luar yang boleh Malaysia ikuti iaitu penggubalan akta khusus dan spesifik menangani terma tidak adil khususnya fasal pengecualian yang bersifat umum merangkumi kedua-dua jenis atau kategori kontrak iaitu kontrak antara peniaga dan pengguna dan kontrak sesama peniaga memandangkan fasal pengecualian umumnya bersifat holistik. Maka, adalah menjadi kewajaran membuat pindaan akta sedia ada dengan meminda perundangan yang sedia ada yang ternyata mempunyai kelompangan.

AKTA KONTRAK 1950: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PEMBENTUKAN UNDANG-UNDANG KONTRAK DI MALAYSIA

Pada asalnya, Akta Kontrak 1950 (AK 1950) dikanunkan dari *Contracts Ordinance 1950*⁸. sumber primer undang-undang kontrak dalam perundangan kes dan sebahagian statut. Akta Kontrak 1950 (Semakan 1974) dari enakmen *Contracts (Malay States) Ordinance 1950* yang terdahulu diaplikasi di sembilan negeri, bearasal dari undang-undang kontrak India iaitu Akta Kontrak India 1872 yang diubahsuai dari model English yang juga meminjam sebahagian proviso dari kod deraf New York⁹. Disebabkan sejarah koloni Ingeris bertapak di tanah Malaya suatu ketika dahulu, maka kesannya terhadap sistem perundangan tempatan adalah berpandukan *common law* merujuk kepada sistem perundangan di England dan India atas faktor sejarah dan kedudukan Majlis *Privy* yang dulu merupakan mahkamah rayuan tertinggi Malaysia

¹ Abdul Majid Nabi Baksh dan Krishnan Arjunan, *Business Law in Malaysia*, LexisNexis, Malayan Law Journal, 2005, hlm. 212.

² G.Turkel, *Law and Society : critical approaches*, Allyn and Bacon, 1996, hlm. 1. (Dr.Azimon, hlm. 448)

³ G.Turkel, *Law and Society : critical approaches*, hlm. 12.

⁴ S.Sothi Rachagan, *Consumer Law Reform : A Report*, University of Malaya Press : Malaysia, 1992, hlm. 64.

⁵ Artin Vaqari, 'Contracting out and Public Policy Ground under section 24(E) of the Contracts Act 1950', [1998] 2 MLJ ix.

⁶ Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Edisi kedua, Longman, 2000, hlm.80.

⁷ Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Edisi kedua, Longman, 2000, hlm.81.

⁸ Abdul Majid Nabi Baksh & Krishnan Arjunan, *Business Law in Malaysia*, LexisNexis : Malayan Law Journal, 2007, hlm. 50.

⁹ Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Edisi kedua, Longman, 2000, hlm.3.

sebelum digantikan dengan Mahkamah Persekutuan¹⁰. Menurut Visu Sinadurai¹¹, *Common law* merujuk kepada undang-undang diputuskan oleh para hakim di mahkamah *superior*, berbeza dari perundangan digubal oleh Parlimen¹². Berkiblatkan sistem *common law* oleh seksyen 3 dan 5, Akta Undang-undang Sivil 1956 menjadikan undang-undang kontrak di Malaysia kini ialah Akta Kontrak 1950 (Undang-undang Malaysia, Akta 136; Semakan-1974) sebagaimana dipinda oleh Akta Kontrak (Pindaan) 1976 (Undang-undang Malaysia, Akta A329). Ketiadaan kawalan fasal pengecualian dalam Akta Kontrak 1950 (*Contracts Act 1950*) yang merupakan sumber primer perundangan negara berasaskan prinsip *common law* di mana Akta ini tidak mengawal terma-terma kontrak. Menurut Sakina¹³, dari sudut sejarah latar belakangnya, Akta Kontrak 1950 (AK 1950) diadaptasi dari Akta Kontrak 1872 di India. Walaupun begitu, keputusan mahkamah di India tidak mengikat mahkamah di Malaysia kerana ianya bersifat *persuasive* dan diberikan *due weight* dan dipertimbangkan dengan penuh takzim oleh mahkamah tempatan¹⁴. Ianya digubal bagi mengkanunkan *common law* Inggeris berhubung kontrak ini mengandungi peruntukan yang parimateria dengan seksyen 1-191 Ordinan 1950 yang telah dimansuhkannya. AK 1950 ini terpakai di seluruh Malaysia berkuatkuasa di Negeri-negeri Melayu pada 23 Mei 1950 dan di Melaka, Pulau Pinang, Sabah & Sarawak pada 1 Julai 1974. Kemudian, Akta Kontrak dipinda pada tahun 1976 oleh Akta Kontrak (Pindaan) 1976. Akta ini mengandungi 191 seksyen dan 10 bab. AK 1950 kemudiannya dipanjangkan ke Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak pada 1 Julai 1974¹⁵.

Dengan tergubal dan berkuatkuasanya Akta Kontrak 1950, pemakaian *common law* Inggeris dalam urusan kontrak di Malaysia. Menurut Sakina¹⁶, seksyen 3(1) Akta Undang-undang Sivil 1956 memperuntukkan dengan jelas bahawa sekiranya tidak ada peruntukan yang telah dibuat atau akan dibuat oleh Undang-undang bertulis, mahkamah di Malaysia Barat boleh menerima pakai *common law* Inggeris dan kaedah ekuiti yang dipakai di England pada 7 April 1956, sementara di Sabah, menerima pakai *common law*, kaedah ekuiti dan statut am yang terpakai di England pada 1 Disember 1951, dan di Sarawak, menerima pakai *common law*, kaedah ekuiti dan statut am yang terpakai di England pada 12 Disember 1948. Bagi soal persaudagaran pula, seksyen 5 Akta Undang-undang Sivil 1956 bagi Malaysia Barat, sementara bagi Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak pula, undang-undang yang dipakai hendaklah yang sama dipakai di England dalam kes yang sama pada tarikh yang bertentangan dengannya, jika soal itu telah timbul atau perlu diputuskan di England. Walau bagaimanapun, aplikasi Undang-undang di England masih tertakluk kepada dua limitasi iaitu penerimaan masyarakat setempat dan ianya tidak bercanggah dengan fahaman ideologi agama dan adat resam masyarakat. *Common law* berdasarkan '*judge-made laws*' dijadikan rujukan perundangan sejak era kemerdekaan 1957, merupakan proses terkesan terawal dan terpenting sebagai sumber perundangan negara¹⁷. Melalui peruntukan Seksyen 5(2), pihak Inggeris memastikan kesinambungan kepentingan perniagaan komersial mereka tidak terjejas selepas kemerdekaan diberikan kepada Tanah Malaya mengikat Tanah Malaya dengan perundangan selepas merdeka¹⁸. Akta Kontrak 1950 bukanlah merupakan satu kodifikasi kerana tidak menyentuh setiap aspek undang-undang kontrak¹⁹ tetapi sekadar Akta penyatuan. Justeru, Akta Kontrak 1950 tidak lengkap kerana terdapatnya lakuna di dalam Akta ini yang perlu diremedikan dengan penggubalan statut oleh Parlimen selain adat dan undang-undang tempatan ke dalamnya. AK 1950 tidak memperihalkan fasal pengecualian dan interpretasi terma tidak adil²⁰.

¹⁰ Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz, *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*, International Law Book Services, 2009, hlm. 15.

¹¹ V. Sinnadurai, *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases & Commentaries*, Butterworths : Singapura, 1987, hlm. 13.

¹² Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Edisi kedua, Longman, 2000, hlm. xxxi.

¹³ Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz, *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*, International Law Book Services, 2009, hlm. 17. Rajah merumuskan latar belakang Akta Kontrak dan sejarahnya lihat hlm. 16-17.

¹⁴ Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Edisi kedua, Longman, 2000, hlm. 5. Rujuk kes Khalid Panjang & Ors. V P.P. (No. 2) [1964] MLJ 108. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi di Malaysia enggan mengikut keputusan *Privy Council* dari India atas faktor silap penghakiman.

¹⁵ Baharuddeen Abu Bakar, *The Commercial Law of Malaysia-Revisited : Issues and Problems in the Application of sec 5(2) of the Civil Law Act 1956*, *Seminar Ahmad Ibrahim : Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah*, Hilton Petaling Jaya, 21-22 Ogos 2007, hlm. 12.

¹⁶ Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz, *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*, International Law Book Services, 2009, hlm. 18.

¹⁷ Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Ed. ke-2, Longman, 2000, hlm. xxxi.

¹⁸ Baharuddeen Abu Bakar, *The Commercial Law of Malaysia-Revisited : Issues and Problems in the Application of sec 5(2) of the Civil Law Act 1956*, *Seminar Ahmad Ibrahim : Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah*, Hilton Petaling Jaya, 21-22 Ogos 2007, hlm. 13.

¹⁹ Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial Law of Malaysia*, Ed. ke-2, Longman, 2000, hlm. 4.

²⁰ Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz, *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*, hlm. 168.

Oleh itu, tidak hairanlah Akta Kontrak 1950 ini tidak memperuntukkan sebarang proviso berkenaan fasal pengecualian. Rujukan kepada Akta Kontrak India 1950 semata-mata adalah tidak memadai. Ketiadaan peruntukan perundangan spesifik menangani kontrak tidak adil di Malaysia, terutama yang melibatkan penyalahgunaan fasal pengecualian. Ini disebabkan Akta Kontrak 1950 tidak memperuntukkan sebarang proviso berkenaan isu-isu spesifik terutama pertikaian melibatkan keadilan substantif seperti isi kandungan kontrak yang tidak adil atau pengawalan fasal pengecualian. Menurut Nik Ramlah Mahmood²¹, Akta Kontrak 1950 hanya cuba mengkoordinasi prinsipal yang asas dalam undang-undang kontrak. Justeru, ia tidak mempunyai peruntukan yang khusus menangani isi kandungan kontrak atau terma kontrak itu sendiri. Oleh itu, tidak timbul klausa mana yang menghadkan atau mengelakkan liabiliti, klausa-klausa yang *incorporate* terma-terma dalam dokumen ke dalam kontrak. Kekangan ini telah menjustifikasikan intervensi kehakiman Malaysia yang telah mengangkat kesahan klausa-klausa yang dianggap tidak adil kepada pengguna telah dilihat sebagai satu tindakan yang wajar. Visu Sinnadurai²² menyatakan bahawa kebanyakan terma tidak adil boleh diselesaikan menerusi keputusan hakim disebabkan ketiadaan perundangan khusus menangani ledakan terma tidak adil, khususnya fasal pengecualian. Walaupun AK 1950 dianggap sebagai sumber primer yang mengawal kontrak, namun AK 1950 mempunyai kelompangan menangani terma tidak adil terutama fasal pengecualian dan kontrak bentuk seragam. Hakikatnya, Malaysia tiada peruntukan khusus menangani fasal pengecualian, maka prinsip *common law* Inggeris masih diaplikasi.

AKTA JUALAN BARANGAN 1957

Menurut pengamatan Sakina²³, sistem *Barter* merupakan antara proses terawal transaksi jualan barang yang kini sinonim dengan muamalah masyarakat sehingga menjadi transaksi komersial popular dan disenangi. Perundangan yang mengawal transaksi jualan barang-barang di Malaysia adalah Akta Jualan Barang-barang 1957 (Semakan 1989) (AJB 1957), berkuatkuasa September, 1989. Akta ini yang merupakan sumber primer undang-undang jualan barang-barang di Malaysia adalah semakan kepada Ordinan Jualan Barang-barang (Negeri-negeri Melayu) 1957 yang dimodelkan berasaskan akta *India Sale of Goods Act* 1930. Akta India, *Sale of Goods Act* 1930 ini pula merupakan akta yang diilhamkan berdasarkan akta Inggeris, *Sale of Goods Act* 1893.

Hampir keseluruhan peruntukan yang terkandung dalam AJB 1957 adalah *pari materia* dengan peruntukan yang terkandung dalam *Sale of Goods Act* 1893 yang juga merupakan model kepada perundangan berkaitan jualan barang-barang di negara-negara komanwel lain seperti Australia, New Zealand dan Kanada. AJB 1957 yang merupakan sumber primer Undang-undang Jualan Barang-barang di Malaysia mengandungi tujuh bab dan 64 seksyen. AJB 1957 (Akta 382) bukanlah sebuah Akta yang menyeluruh merangkumi kesemua prinsip-prinsip Undang-undang kontrak am berkaitan dengan jualan barang-barang²⁴. Akta Kontrak 1950 terpakai menurut Seksyen 3, sekiranya terdapat kelompangan dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan yang terkandung dalam AJB 1957²⁵. Secara kesimpulannya, Akta Jualan Barang-barang 1957 (Semakan 1989), kes-kes tempatan dan kes-kes yang diputuskan di England dan di negara-negara Komanwel lain merupakan sumber undang-undang jualan barang-barang di Malaysia²⁶. Dalam kontrak-kontrak jualan barangan, Sabah dan Sarawak memakai *Sale of Goods Act 1893* (Akta Inggeris) dan di Semenanjung Malaysia, Akta Jualan Barangan 1957 terpakai.²⁷ Dalam era globalisasi, AJB 1957 yang berpaksikan *market individualism* dan bukan berlandaskan *consumer welfarism* gagal mengambilkira ketidakseimbangan kuasa di antara peniaga dan pengguna dengan menggunakan seksyen 62 AJB 1957 yang menjadi immuniti dan kekebalan kepada peniaga untuk

²¹ Nik Ramlah Mahmood, *Unfair terms in Malaysian consumer contracts- The need for increased judicial creativity*, Asian Seminar on Consumer Law, 9-12 August 1993, Kuala Lumpur.

²² Visu Sinnadurai, *Exemption clauses v Public policy and inequality of bargaining power* [1978] 2 MLJ cxxx.

²³ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Pengenalan kepada undang-undang jualan barang*, dalam Sakina Shaik Ahmad Yusoff (pnyt.), *Pengenalan kepada undang-undang komersial di Malaysia*, International Law Book Services, 2001, hlm. 1.

²⁴ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Pengenalan kepada undang-undang jualan barang*, dalam Sakina Shaik Ahmad Yusoff (pnyt.), *Pengenalan kepada undang-undang komersial di Malaysia*, International Law Book Services, 2001, hlm. 2.

²⁵ Lee Mei Pheng dan Detta Samen, *Commercial Law in Malaysia*, Malayan Law Journal Sdn Bhd, 1997, hlm. 250.

²⁶ Wu Min Aun, *Legal Aspects of Sale of Goods*, hlm. 1.

²⁷ Shaik Mohd Noor Alam SM Hussain, *Kontrak dan Kewajipan di beberapa Negara ASEAN terpilih*, Dewan Bahasa & Pustaka, 1988, hlm. 281. Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, *The Commercial law of Malaysia*, Longman, 2000, hlm. 187.

melepaskan liabiliti terhadap terma tersirat yang terkandung dalam seksyen 14-17 AJB 1957. Laporan Sothi Rachagan²⁸ pada tahun 1992 menyatakan bahawa 'menjadi satu keperluan mendadak untuk suatu semakan semula dibuat ke atas perundangan masa kini dan lakukan beberapa perubahan munasabah'. Faktor terpenting dalam doktrinal undang-undang kontrak moden adalah ujian 'kemunasabahan' sebagai kayu pengukur penerapan keadilan dalam kontrak²⁹.

AJB 1957³⁰ hanya terpakai pada 'kontrak jualan barang-barang' dan 'barang-barang'. Akta ini yang merangkumi dua jenis kontrak iaitu kontrak pengguna dan kontrak komersial bagaimanapun tidak menyediakan perlindungan kepada pengguna berkenaan terma tidak adil. Bahkan, seksyen 62 membenarkan para peniaga menggunakan fasal pengecualian terma tersirat dan syarat dengan "perjanjian tersurat"³¹. Dalam konteks jualan barang-barang, fasal pengecualian dibenarkan di bawah seksyen 62 AJB 1957 : "Jika apa-apa hak, tanggungjawab atau liabiliti timbul di bawah suatu kontrak penjualan melalui penguatkuasaan undang-undang, ia boleh jadi dinegatifkan atau diubah melalui perjanjian nyata atau melalui perjalanan urusan antara pihak-pihak, atau melalui penggunaan jika penggunaan itu adalah untuk mengikut kedua pihak kepada kontrak."

Menurut Sakina³², mahkamah di Malaysia berkecenderungan menggunapakai prinsip-prinsip *common law* yang berusaha mengimbangi kebebasan berkontrak dan perlindungan pihak yang kurang dominan seperti para pengguna, mengenalpasti fasal pengecualian yang munasabah atau keterlaluan apabila berhadapan dengan kemelut fasal pengecualian serta penafsirannya dalam kontrak. Prinsip *common law* yang mengawal fasal pengecualian dengan memperkenalkan teknik utama bagi mengawal ledakan fasal pengecualian secara ketat. Seksyen 62 AJB 1957 ternyata bercanggah dengan aspirasi dan pengamatan *common law* yang enggan membenarkan pihak berkontrak mengecualikan liabiliti melalui pendekatan memasukkan fasal pengecualian di dalam kontrak. Cadangan Sakina³³ bahawa seksyen 62 Akta Jualan Barang-barang 1957 supaya dibatalkan kerana bercanggah dengan aspirasi kepentingan pengguna ternyata ada kewajarannya. Kaitan antara kesan fasal pengecualian dengan AJB 1957, peruntukan seksyen 62 AJB 1957 membenarkan peniaga untuk berkontrak keluar daripada peruntukan-peruntukan di bawah AJB dengan membenarkan penggunaan fasal-fasal pengecualian. Justeru, AJB 1957, telah membuka ruang seluas-luasnya kepada pembekal dan peniaga untuk melepaskan diri daripada liabiliti dalam fasal pengecualian yang memihak kepada mereka³⁴.

Kesimpulannya berhubung penggunaan fasal pengecualian dalam skop AJB 1957 adalah, walaupun tujuan utama penguatkuasaan Akta ini adalah untuk merungkaikan dan menyelesaikan persoalan berhubung jualan barang-barang, ianya perlu diingat bahawa Akta ini bukanlah suatu perundangan yang berorientasikan perlindungan pengguna. Peruntukan seksyen 62 AJB 1957 jelas memperlihatkan satu bukti jelas anti kepenggunaan dan menyebelahi kepentingan peniaga sekaligus bersifat penindasan pengguna³⁵. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan pandangan tegas Sothi Rachagan, " Akta Jualan Barang-barang 1957 di bawah seksyen 62 membenarkan penjual di bawah terma nyata kontrak untuk mengelakkan semua syarat tersirat yang distatutorikan. Perlindungan pengguna mengkehendaki seksyen 62 ini dimansuhkan."

Kedadaan ini juga memperlihatkan bahawa Akta ini telah membenarkan penggunaan fasal-fasal pengecualian yang menjadi amalan kontrak pengguna dan kontrak komersial. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan fasal pengecualian masih memerlukan kepada satu layanan perundangannya yang tersendiri

²⁸ S.Sothi Rachagan, *Consumer Law Reform- A Report*, 1992, hlm. 53.

²⁹ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Doktrin kebebasan berkontrak dalam kontrak jualan barang: Ketidaksesuaian sebagai doktrin landasan pembentukan undang-undang kontrak pengguna, (2000) *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jilid 4, hlm. 31.

³⁰ Berdasarkan seksyen 4(1), mendefinisikan 'kontrak jualan barang-barang' sebagai: '...satu kontrak dengan mana penjual memindahkan atau bersetuju memindahkan hak terhadap barang-barang kepada pembeli dengan suatu hari. 'Barang-barang' didefinisikan sebagai: '...bermaksud setiap harta alih selain daripada tuntutan dan wang dan termasuk stok dan saham, tanaman, rumput dan barang yang bercantum kepada tanah atau sebahagiannya yang dipersetujui akan dipisahkan sebelum dijual atau dipisahkan di bawah kontrak jualan.'

³¹ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Regulating Exclusion Clauses in Consumer Contracts in Malaysia*, Dana Galakan & Pembangunan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm.84.

³² Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz, *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*, International Law Book Services, 2009, hlm. 17. Rajah merumuskan latar belakang Akta Kontrak dan sejarahnya lihat hlm. 168.

³³ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Regulating Exclusion Clauses in Consumer Contracts in Malaysia*, Dana Galakan & Pembangunan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 81.

³⁴ Kesempatan seumpama ini bagaimanapun tidak terpakai kepada pengilang kerana AJB 1957 hanya terpakai kepada perjanjian kontrak di antara pembeli dan penjual, bukannya pengilang.

³⁵ Azimon Abdul Aziz & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Amalan kontrak perdagangan pengguna masa kini : fasal pengecualian sebagai pengengkap keutuhan doktrin kebebasan berkontrak, *Persidangan Kebangsaan Undang-undang Perniagaan 2004*, 25 September 2004.

yang bukan sahaja mampu memantau transaksi jualan barang-barang yang menggunakan fasal pengecualian, tetapi ia mampu untuk melangkaui lebih dari itu, misalnya mengenalpasti terma-terma fasal pengecualian yang melampau dan *abusive* sekaligus melarang penggunaan fasal-fasal pengecualian yang kerap kali disalahgunakan oleh peniaga.

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

Akta Pelindungan Pengguna 1999 (APP 1999) bermatlamatkan perlindungan pengguna, digubal bertujuan memenuhi kelopangan yang ada dalam akta-akta sebelumnya berhubung dengan aspek-aspek perlindungan pengguna secara komprehensif. Terdahulu, penyelerakan undang-undang perlindungan pengguna di Malaysia menyebabkan penguatkuasaan yang berbeza-beza³⁶. Berasaskan amalan-amalan perdagangan yang beretika, APP 1999 mendefinisikan pengguna sebagai kumpulan sasaran bagi perlindungan terkandung dalam APP 1999. Pengguna dalam konteks barangan didefinisikan sebagai seseorang yang :

- (a) Memperoleh atau menggunakan barang...daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud, kegunaan atau penggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah; dan
- (b) Tidak memperoleh atau menggunakan barang...atau mengemukakan dirinya sebagai memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, terutamanya bagi maksud:
 - i) Membekalkannya semula secara perdagangan;
 - ii) Menggunakannya dalam perjalanan suatu proses pengilangan; dan
 - iii) Dalam hal barang, membaiki atau mengolah, secara perdagangan, barang lain atau lekapan pada tanah.

Namun begitu, APP 1999 masih tidak lejang daripada kelemahan, terutamanya yang melibatkan perlindungan pengguna menangani kemelut fasal pengecualian yang melepaskan liabiliti peniaga dalam kontrak pengguna. Walaupun bahagian 6 APP 1999 melarang pengecualian liabiliti peniaga, ianya gagal untuk merangkumi spektrum yang luas dari klausa pembebasan yang ada dalam kontrak pengguna. Kekangan statutori ini memperlihatkan kelemahan yang ketara. Ini disebabkan APP 1999, yang diibaratkan oleh Sakina³⁷ sebagai benih yang tercampak di tengah padang, di mana setelah sekian lama dinantikan oleh para penggubal perundangan hampa dan kecewa apabila mengetahui bahawa aplikasi APP 1999 sangat terbatas kerana tertakluk kepada seksyen 2 (4) bahawa APP 1999 adalah bersifat tambahan tanpa mengurangkan undang-undang lain berkaitan dengan hubungan kontrak³⁸.

Menurut Azimon³⁹, APP 1999 merupakan langkah pertama untuk menghasilkan perundangan yang substantif. Namun secara substans, APP 1999 hanya tertumpu kepada aspek perdagangan seperti produk, perkhidmatan dan mekanisme penyelesaian pertikaian perdagangan tanpa melindungi aspek penting perlindungan pengguna seperti terma tak saksama seperti fasal pengecualian dan kontrak bentuk seragam. Ini mengakibatkan penguatkuasaannya yang terhad dan tidak menyeluruh dalam usaha melindungi pengguna gagal dalam menerapkan kemelut terkini global yang seharusnya menjadi paksi utama dalam pengubalannya⁴⁰.

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN 2010)

Malaysia sekali lagi melalui satu proses penambahbaikan dalam penggubalan perundangan selepas Akta Pelindungan Pengguna 1999 diperkenalkan hampir sepuluh tahun dulu. Akta Pelindungan Pengguna

³⁶ Azimon Abdul Aziz, Kontrak Bentuk Seragam dalam transaksi pengguna : Keperluan Kawalan Perundangan, Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm 284.

³⁷ Anisah Che Ngah (pnyt). 2007. Undang-undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman. Fakulti Undang-undang. Sakina Shaik Ahmad Yusoff. Artikel *Susun Galur Undang-undang Jualan Barang di Malaysia*. hlm 207.

³⁸ Farhah Abdullah & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Corporate Integrity And Accountability: A Story Of Exemption Clauses In Consumer Contracts – A Myth Or Reality?, *International Conference on Business and Economics (ICBER 2011)*, 15-17 Mac 2011, hlm 5.

³⁹ Azimon Abdul Aziz, Kontrak Bentuk Seragam dalam transaksi pengguna : Keperluan Kawalan Perundangan, Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm 284.

⁴⁰ Azimon Abdul Aziz, Kontrak Bentuk Seragam dalam transaksi pengguna : Keperluan Kawalan Perundangan, Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm 285.

(Pindaan 2010) ini telah dilihat sebagai satu titik permulaan dan langkah awal terhadap penambahbaikan dan kurang kebergantungan kepada prinsip *common law*. Kesenambungan dari rentetan sejarah mengimbas kembali sorotan penggubalan undang-undang Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan 2010) bertepatan dengan aspirasi kerajaan iaitu menuju ke arah memperkasakan para pengguna yang merupakan golongan terbesar dalam kontrak sosial sekaligus memenuhi Dasar Pengguna Negara 2002. Tarikh bersejarah pada 6 Julai 2010, Parlimen menggubal *Bill* Akta Pelindungan Pengguna 2010 di mana ianya mengandungi 25 seksyen terdiri daripada pindaan seksyen 9, 23 dan seksyen baru 21A. Ketiadaan huraian terperinci iaitu ketiadaan nota kaki, nota birai, perihal dan contoh tiada kedapatan dalam Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan 2010) ini menyukarkan para pengamal undang-undang untuk mentafsirkan dan merujuk kepada mencari definisi tertentu⁴¹. Keadaan ini akan mendedahkan kepada pelbagai tafsiran dalam tuntutan Tribunal akan menyukarkan pemahaman dan pelaksanaan pada peringkat penguatkuasaan. Ini kerana Nota Penjelasan (*Explanatory Notes*) dianggap sebagai satu kewajaran berkesan bagi menerangkan maksud dan kehendak Parlimen tentang sesuatu klausa, situasi berdasarkan kehendak Parlimen⁴² bertujuan memenuhi kehendak kriteria ditetapkan dalam peruntukan perundangan⁴³. Menurut Sharifah Suhanah⁴⁴, situasi ini elaras dengan tujuan perundangan digubal, keperluan interpretasi perkataan dan frasa dinyatakan dalam statut kerana setiap statut mempunyai tujuan tersendiri.

Seksyen 24B menyatakan bahawa pemakaiannya masih tertakluk kepada Akta Kontrak 1950, Akta Relief Spesifik 1950 [Akta 137] dan Akta Jualan Barang 1957 [Akta 382]⁴⁵ yang masih belum mengalami perubahan seiring dengan kepentingan pengguna. Memandangkan Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan 2010) ini bertujuan untuk meminda Akta Pelindungan Pengguna 1999, maka konsentrasi terhadap kontrak pengguna⁴⁶ tidak merangkumi kontrak komersial tidak bersifat dinamik kerana ketidakbukaan menerima hakikat bahawa fasal pengecualian tidak hanya didapati dalam kontrak pengguna tetapi juga didapati dalam kontrak komersial. Pendekatan layanan perundangan berbeza antara dua jenis kontrak ini kerana dalam kontrak pengguna, timbul isu ketidakseimbangan kuasa perundingan terhadap pengguna. Selain itu, "Terma tidak adil" ditakrifkan di bawah seksyen 24A(c) sebagai:

Terma dalam kontrak pengguna, dengan mengambilkira semua hal keadaan, menyebabkan ketidakseimbangan yang signifikan dalam hak dan tanggungjawab pihak-pihak di bawah kontrak itu sehingga merugikan pengguna.

Cadangan Azimon⁴⁷ adalah dengan memasukkan definisi terma-terma tak saksama dalam perundangan kontrak bentuk seragam, terma-terma tak saksama yang lazim wujud dalam kontrak bentuk seragam termasuklah fasal-fasal pengecualian dan terma-terma lain yang boleh dikategorikan sebagai terma tak saksama dalam kontrak serta pihak yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan terma-terma tak saksama dalam kontrak bentuk seragam.

Jika bersandarkan semata-mata kepada definisi 24A(c), menyulitkan Tribunal untuk mengenal pasti apakah yang ditakrifkan dengan mengambilkira *semua keadaan*, apakah yang dimaksudkan dengan *ketidakseimbangan yang signifikan* dan sejauh mana *kerugian yang dialami oleh pengguna* dinilai dan diiktiraf. Ternyata, definisi yang terlalu umum ini sukar untuk dibuktikan oleh Tribunal atau mahkamah. Maka definisi seksyen 24A(c) berhubung 'terma tidak adil' yang kurang jelas disebabkan terlalu umum tanpa diperihalkan melalui nota kaki atau bidai seperti contoh dan penerangan terperinci dibimbangi sukar untuk dibuktikan kepincangan kontrak pengguna yang merugikan pengguna. Peruntukan seksyen 24C (1) yang mendefinisikan sebagai :

⁴¹ G.Williams (terj) Johan Shamsuddin Sabaruddin & Talat Mahmood, *Mempelajari undang-undang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 117.

⁴² J.N.Adams dan R.Brownsword, *Understanding Law*, hlm. 113.

⁴³ J.N.Adams dan R.Brownsword, *Understanding Law*, Thomson Sweet & Maxwell : London, 2006, hlm.112.

⁴⁴ Sharifah Suhanah Syed Ahmad, *Malaysian Legal System*, Edisi kedua, Lexis Nexis : Malaysia, 2007, hlm. 205.

⁴⁵ Terdapat kesilapan teknikal pada terjemahan seksyen 24B yang menterjemahkan *Sale of Goods Act 1957* [Act 382] sebagai Akta Jual Beli [Akta 382]. Kesilapan sebegini amat dikesali memandangkan banyak masa, duit rakyat dan kerahan minda telah dilaburkan. Penelitian penuh adalah wajar demi mengelakkan kesilapan sebegini timbul dan dipertikaikan oleh pihak yang prihatin.

⁴⁶ Memandangkan pindaan ini untuk kepentingan pengguna, maka seharusnya definisi 'kontrak pengguna' diperuntukkan selepas definisi kontrak dalam seksyen 24A.

⁴⁷ Azimon Abdul Aziz, *Kontrak Bentuk Seragam dalam transaksi pengguna : Keperluan Kawalan Perundangan*, Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm 518 & 521.

"Sesuatu kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil dari segi tatacaranya sekiranya kontrak atau terma kontrak itu menyebabkan kelebihan yang tidak adil kepada pembekal atau kerugian yang tidak adil kepada pengguna akibat perlakuan pembekal atau cara atau hal keadaan bila mana kontrak atau terma kontrak telah dibuat atau dicapai antara pengguna dan pembekal."

Di sini, penilaian ketidakadilan prosedur bergantung kepada sama ada kelebihan yang tidak adil kepada pembekal atau kerugian yang tidak adil dialami oleh pengguna. Seksyen 24C(1) secara amnya tidak memberikan garis panduan bagaimana ujian menentukan ketidakadilan dari segi tatacara seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 24C(1) di mana ianya tidak dinyatakan elemen suci hati dan ketidakseimbangan yang signifikan.

Kawalan perundangan fasal pengecualian tidak terhad kepada kontrak pengguna, tetapi kawalan juga perlu pada kontrak kontrak komersial iaitu, sesama peniaga, meliputi keseluruhan kontrak kerana fasal pengecualian ada dalam hampir kesemua kontrak komersial dan kontrak pengguna. Tambahan lagi, terdapat sebelas keadaan dalam seksyen 24 (2) (a) – (k) disenaraikan sebagai ketidakadilan dari segi tatacara. Di sini terdapat penekanan statut menzahirkan enam keadaan yang lebih tertakluk kepada pengguna iaitu terhadap sejauh mana pengetahuan [Seksyen 24C(2)(a)], kekuatan tawar menawar pengguna [Seksyen 24C(2)(b)], kuasa perundingan pengguna terhadap kontrak atau terma kontrak [Seksyen 24C(2)(e)], tahap kekompeten pengguna berdasarkan keupayaan dan kewarasan akal fikiran pengguna samada mampu melindungi kepentingannya sendiri atau mengalami kerugian yang serius disebabkan faktor fizikal : umur lanjut, keuzuran, ketidakupayaan fizikal, mental, pendidikan atau linguistik sehingga ke tahap tekanan emosi atau kejahilan dalam urusan perniagaan [Seksyen 24C(2)(g)], sama ada pengguna menerima nasihat perundangan sebelum memasuki kontrak [Seksyen 24C(2)(h)], sama ada pengguna dijelaskan secara terperinci oleh mana-mana orang, dan pengamatan dan bergantung pengguna kepada kemahiran, pengurusan dan nasihat pembekal [Seksyen 24C(2)(k)].

Justeru, langkah paternalisme dianggap sebagai keprihatinan kerajaan terhadap keterbatasan keupayaan pengguna menilai sesuatu maklumat, terma kontrak dan kontrak dalam keadaan kegagalan pasaran (*market failure*), monopoli peniaga serta kebanjiran peniaga yang tidak beretika, semata-mata mengejar keuntungan tanpa memikirkan kepentingan dan kebajikan bersama-sama dengan pengguna. Menurut seksyen 24D (1) :

Kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil secara substantif jika kontrak atau terma kontrak itu-Adalah dengan sendirinya keras;

- (a) *Adalah menindas;*
- (b) *Tidak memperuntukkan atau menghadkan liabiliti bagi kecuaiian; atau*
- (c) *Tidak memperuntukkan atau menghadkan liabiliti bagi memungkirkan terma kontrak yang nyata atau tersirat tanpa justifikasi yang kukuh.*

Selepas dikenal pasti terma tidak adil, maka beban pembuktian terletak di pihak pembekal yang bersandar kepada *'ketiadaan peruntukan atau penghadan membuktikan bahawa ketiadaan peruntukan atau penghadan tidak dibuat tanpa melainkan justifikasi yang kukuh'* seperti diperuntukkan di bawah seksyen 24E, Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan 2010). Kaedah ini mengambil prinsip *contra proferentum* di mana mahkamah akan mengamalkan teknik interpretasi tegas menginterpretasi perkataan dokumen bertulis terhadap pihak yang menggubal terma kontrak itu dalam situasi tidak jelas (*ambiguity*) atau terdapat keraguan, maka mahkamah akan menginterpretasi frasa yang meragukan itu terhadap pihak yang bergantung kepada fasal pengecualian bagi kebaikan satu pihak lain dalam kontrak⁴⁸.

Secara amnya, penggubalan Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan 2010)⁴⁹ dilihat tepat pada masanya. Namun, dari sudut pemahaman dan penguatkuasaan pengecualian liabiliti, ianya masih belum berupaya memerangi penggunaan fasal pengecualian dalam kontrak-kontrak pengguna yang dianggap sebagai satu ketidakadilan yang substantif. Maka, kebajikan pengguna dalam era globalisasi perlu dikaji

⁴⁸ Syed Ahmad S A Alsagoff, *Principles of the Law of Contract in Malaysia*, Edisi kedua, Lexis Nexis : Singapura, 2003, hlm.190.

⁴⁹ Seksyen 24J memperuntukkan bidang kuasa kepada Menteri bagi membuat sebarang peraturan-peraturan berkaitan dengan terma kontrak tidak adil yang difikirkan perlu atau suai manfaat berkenaan Bahagian ini. Di sini, Menteri yang dipertanggungjawabkan adalah menteri di Kementerian Perdagangan Dalam negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

dengan mengambil kira senario perdagangan moden dengan lebih kritis dan analitis dari segi keadilan prosedural dan substantif⁵⁰ secara spesifik.

KESIMPULAN

Memandangkan sumber perundangan primer iaitu Akta Kontrak 1950 adalah bersifat umum, seharusnya ia berupaya menangani kesemua permasalahan melibatkan liabiliti kontrak. Namun, hakikatnya AK 1950 bukan bersifat holistik dan tidak merangkumi tuntutan berkaitan pengecualian liabiliti. Manakala akta-akta sampingan yang lain masih tidak lekang dari kelompangan perundangan yang lebih menyeluruh ke atas fasal pengecualian. Maka pengamatan Sakina⁵¹ amat dialu-alukan untuk mewujudkan satu akta khusus menangani pengecualian liabiliti yang merangkumi tiga aspek kawalan yang luas iaitu pengecualian liabiliti disebabkan kecuaihan, kedua kawalan umum pengecualian liabiliti bertujuan mengecualikan atau menghadkan liabiliti satu pihak kerana mungkir kontrak dan ketiga, kawalan terhadap beberapa terma kontrak yang spesifik yang mengecualikan atau menghadkan liabiliti kerana mungkir beberapa terma-terma tersirat dalam Jualan Barang-barang dan Pembekal Barang-barang⁵².

Justeru, kemelut fasal pengecualian yang berat sebelah dan anti pengguna dilihat sebagai satu halangan dan kekangan terhadap hasrat kerajaan dalam mencapai transformasi ekonomi melalui penjanaaan ekonomi dan perlindungan pengguna, seiring dengan era globalisasi. Jika ingin memperkasakan hak kepenggunaan melalui transformasi ekonomi yang berdaya saing dan menarik minat para pelabur asing demi kestabilan ekonomi, maka seharusnya statut-statut terdahulu dikaji kerelevanannya. Kewujudan rangka kerja perundangan yang diterimapakai memainkan peranan terpenting di dalam mengurangkan ketegangan konflik pasaran terbuka yang sentiasa timbul⁵³ disebabkan pandangan dan persepsi masyarakat berubah mengikut peredaran zaman dan layanan perundangan yang sedia wujud tidak berupaya menangani konflik dan halangan menangani fasal pengecualian dalam pasaran produk dan perkhidmatan.

RUJUKAN

- Abdul Majid Nabi Baksh & Krishnan Arjunan. (2007). *Business Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: LexisNexis
- Adams, J. N. & R.Brownsword. (2006). *Understanding Law*. London: Thomson Sweet & Maxwell.
- Artin, V. (1998). Contracting out and Public Policy Ground under section 24(E) of the Contracts Act 1950. *Malayan Law Journal* 2, ix.
- Azimon Abdul Aziz. (2008). *Kontrak Bentuk Seragam dalam transaksi pengguna : Keperluan Kawalan Perundangan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azimon Abdul Aziz & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2007). *Globalisasi dan perlindungan pengguna : Kontrak bentuk seragam sebagai isu global-layanan perundangan beberapa Negara terpilih*. Paper presented at the Persidangan Undang-undang 2007.
- Azimon Abdul Aziz & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2010). *Amalan kontrak perdagangan pengguna masa kini : fasal pengecualian sebagai pengekang keutuhan doktrin kebebasan berkontrak*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Undang-undang Perniagaan
- Baharuddeen Abu Bakar. (2007). *The Commercial Law of Malaysia-Revisited : Issues and Problems in the Application of sec 5(2) of the Civil Law Act 1956*. Paper presented at the Seminar Ahmad Ibrahim : Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah.
- Farhah Abdullah & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2011). *Corporate Integrity And Accountability: A Story Of Exemption Clauses In Consumer Contracts - A Myth Or Reality?* Paper presented at the International Conference on Business and Economics (ICBER 2011).

⁵⁰ Azimon Abdul Aziz dan Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Globalisasi dan perlindungan pengguna; Kontrak bentuk seragam sebagai isu global-layanan perundangan beberapa Negara terpilih, *Persidangan Undang-undang 2007*, 18-20 April 2007, Kedah.

⁵¹ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Regulating Exclusion Clauses in Consumer Contracts in Malaysia*, Dana Galakan & Pembangunan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 76.

⁵² Contoh fasal pengecualian yang dianggap batal boleh dirujuk di Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Regulating Exclusion Clauses in Consumer Contracts in Malaysia*, Dana Galakan & Pembangunan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 77-81.

⁵³ J.N.Adams dan R.Brownsword, *Understanding Law*, Thomson Sweet & Maxwell : London, 2006, hlm. 7.

- Lee Mei Pheng & Detta, S. (1997). *Commercial Law in Malaysia*: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Nik Ramlah Mahmood. (1993). *Unfair terms in Malaysian consumer contracts- The need for increased judicial creativity*. Paper presented at the Asian Seminar on Consumer Law.
- S.Sothi Rachagan. (1992). *Consumer Law Reform : A Report*. Malaysia: University of Malaya Press.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2000). Doktrin kebebasan berkontrak dalam kontrak jualan barang : Ketidaksesuaian sebagai doktrin landasan pembentukan undang-undang kontrak pengguna. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 14, 31.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2001). Pengenalan kepada undang-undang jualan barang. Sakina Shaik Ahmad Yusoff (Eds.), *Pengenalan kepada undang-undang komersial di Malaysia* : International Law Book Services.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2007). Artikel Susun Galur Undang-undang Jualan Barang di Malaysia. In Anisah Che Ngah (Ed.), *Undang-undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman* (hlm. 175-217.). Bangi: Fakulti Undang-undang.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2009). *Regulating Exclusion Clauses in Consumer Contracts in Malaysia*: Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz. (2009). *Mengenal Undang-undang Kontrak Malaysia*: International Law Book Services.
- Shaik Mohd Noor Alam S.M.Hussain. (1998). *Kontrak dan Kewajipan - Undang-undang di beberapa Negara ASEAN yang dipilih*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhanah Syed Ahmad. (2007). *Malaysian Legal System*, (2 ed.). Malaysia: Lexis Nexis.
- Syed Ahmad S A Alsagoff. (2003). *Principles of the Law of Contract in Malaysia*, (2 ed.). Singapura: Lexis Nexis.
- Turkel, G. (1996). *Law and Society : critical approaches*: Allyn and Bacon.
- V.Sinnadurai. (1987). *The Law of Contract in Malaysia and Singapore: Cases & Commentaries*. . Singapura: Butterworths.
- Visu Sinnadurai. (1978). Exemption clauses v Public policy and inequality of bargaining power. *Malayan Law Journal*, 2, cxxx.
- Visu Sinnadurai. (2003). *Law of Contract*: LexisNexis, Butterworths.
- Vohrah, B., & Wu Min Aun,. (2000). *The Commercial Law of Malaysia*, (2 ed.): Longman.
- Wu Min Aun. (1994). *Legal Aspects of Sale of Goods*. Malaysia: Longman.